



Kenyataan Akhbar Untuk Siaran Segera

Dopod Perkenal Dua Telefon Selular 3G Capaian Massimum

*Telefon PDA Dopod Pertama Dilengkapi Dengan Teknologi 3G dan
Telefon Pintar Dilengkapi Windows Mobile 5.0*

KUALA LUMPUR, 2 Ogos 2006 - Dopod International (S) Corp Pte Ltd (Dopod), pengeluar utama telefon pembantu peribadi digital (PDA) dan telefon pintar (smartphone), memperkenalkan dua model utama telefon teknologi komunikasi generasi ketiga (3G), model Dopod 838Pro dan Dopod 595.

Model Dopod 838Pro adalah telefon PDA 3G pertama yang dilengkapi dengan pad kekunci lunsur manakala Dopod 595 adalah telefon pintar 3G yang menggunakan Microsoft Windows Mobile 5.0. Ia dilengkapi dengan cirri aplikasi tambah nilai dan kandungan menarik, kedua-dua telefon itu dapat memenuhi cita rasa dan keperluan pengguna yang memerlukan perkhidmatan 3G.

Dopod 838 Pro

Model ini dilengkapi dengan pad kekunci lunsur yang mana ia menjadi perintis kepada telefon PDA 3G. Ia memiliki alat khas yang dikenali sebagai 'jog wheel' yang membenarkan pengguna memeriksa mel elektronik dan melayari Internet atau mengemas kini maklumat hanya dengan sebelah tangan kanan.

Pad kekuncinya yang mesra pengguna memudahkan pengguna memasukkan data bagi mereka yang biasa dengan papan kekunci pada komputer. Kelebihan utama Dopod 838 Pro ialah sambungannya.

Model kompak ini menyediakan sambungan data tanpa wayar menerusi 3G dan WiFi kepada penggunanya, pada masa yang sama ia menyokong GPRS, EDGE dan Bluetooth V 2.0. Ia menggunakan WiFi standard 802.11g yang membenarkan pengguna melayari Internet dan memindah turun mel elektronik lebih pantas.



Enjoy Mobility

Pengguna mudah menguruskan aplikasi tanpa wayar dengan menggunakan Comm Manager. GSM empat jalur dan UMTS tiga jalur menyokong Dopod 838Pro membenarkan capaian beroperasi dengan licin, tanpa mengira lokasi.

Pada masa yang sama ia turut dilengkapi dengan HSDPA, system rangkaian tanpa wayar teknologi 3.5G yang memiliki kelajuan 10 kali ganda lebih laju berbanding system rangkaian 3G sedia ada.

Pengguna dapat mengemas kini serta merta menerusi Teknologi Tolakan Mel yang membolehkan mereka menerima e-mel sebaik saja mesej yang dihantar itu memasuki kotak masuk mel. ** Mereka tidak perlu khuatir terlepas temu janji atau kehilangan jadual kerana teknologi ActiveSync, mampu menghantar data yang ada di dalam telefon kepada komputer peribadi atau laptop.

Mereka boleh membuat log masuk ke dalam Pocket MSN hanya dengan sekali klik pada butang yang ada di telefon berkenaan untuk berhubung dengan rakan-rakan sejawatan yang berada di luar pejabat atau rakan social. Pocket MSN membenarkan capaian kepada mel elektronik percuma, Hotmail, gerbang MSN dan MSN Messenger.

Dopod 838Pro adalah telefon pintar 3G yang menyediakan capaian tanpa wayar sepenuhnya. Ia menyokong Bluetooth Stereo Tanpa Wayar (A2DP), membenarkan pengguna menikmati muzik menggunakan set kepala A2DP tanpa sebarang wayar.

Pengguna boleh memindah turunkan muzik video dan filem kegemaran ke dalam 128 MB ROM tersedia dan ingatan 64MB RAM bersama tempat simpanan data kekal. Mereka boleh menonton filem berkenaan menggunakan skrin 2.8 inci 65K LCD TFT dengan paparan 240 x 320 QVGA.

Mereka boleh mengambil foto menggunakan mod panorama yang unik dengan 2 mega piksel kamera berkualiti tinggi. Ia turut menyediakan lensa makro. Pengguna boleh memilih lapan mod untuk mengambil foto bersama lima kesan khas berbeza.



Enjoy Mobility

Dopod 838Pro juga disediakan dengan PenPower WorldCard Mobile, aplikasi khas yang membenarkan pembaca kad perniagaan mengenal pasti maklumat teks dan menyimpannya ke dalam Contact secara automatik.

Ketua Eksekutif Dopod International Corp, Jack Tong, berkata Dopod 838Pro adalah bukti kukuh komitmen Dopod untuk menghasilkan telefon PDA 3G yang serba guna dan tiada had penggunaannya.

“Pad kekunci yang mudah diluncurkan itu turut memiliki capaian Bluetooth, WiFi, 3G dan HSDPA, teknologi tolakan mel, Pocket MSC, Office Mobile dan Windows Mobile 5.0. Semua alat yang disediakan itu memiliki ciri mesra pengguna seperti pad QWERTY dan ‘jog wheel’ yang boleh dipusingkan 360 darjah.

“Dengan adanya semua peralatan berkenaan, ia menawarkan pengguna Dopod pengalaman terbaik memanfaatkan PDA 3G keluaran Dopod,” katanya.

Dopod 595

Dengan hanya bersaiz 14.8mm, berbentuk gula-gula candy dan amat nipis, Dopod 595 walaupun nampak nipis namun ia kaya dengan pelbagai fungsi, sekali gus mengukuhkan kedudukan Dopod sebagai syarikat yang menghasilkan telefon selular kepada pengguna yang menawarkan kepelbagaian tiada had.

Telefon pintar 3G memiliki Windows Mobile 5.0 serta teknologi tolakan terus untuk membolehkan proses keseragaman antara mel elektronik, kalendar dan jadual. Dengan Dopod 595, eksekutif yang sentiasa sibuk masih dapat terus berhubung dengan rakan mereka tanpa perlu membawa komputer peribadi atau laptop.

Dopod 595 juga dilengkapi dengan pembaca dokumen PDF, Word, Excel dan PowerPoint yang menjadi teman penting kepada individu yang mencari peranti yang dapat memenuhi semua keperluan perniagaan.



Enjoy Mobility

Ia dilengkapi dengan 'jog-wheel' yang dapat memudahkan pengguna melayari telefon itu, melayari Internet dan membaca dokumen, hanya dengan sebelah tangan. Pengguna boleh memindah turun video ke dalam 128MB ROM dan 64MB RAM ingatan simpanan data dan pada masa yang sama menonton filem berkenaan menggunakan skrin 2.2 inci, 65K TFT LCD warna serta skrin yang amat jelas.

Pengguna yang memiliki Dopod 595 memiliki capaian tanpa had dan juga kemudahan mudah alih hanya dengan memasukkan kad Micro SD untuk meningkatkan ingatan atau Bluetooth tersedia.

Ketua Eksekutif Dopod International, Jack Tong, berkata Dopod sentiasa mengutamakan pelanggannya termasuk terus memberikan tumpuan kepada aplikasi yang amat diminati pengguna telefon selular.

"Fokus kepada pengguna itu yang menjadi pendorong kepada Dopod untuk terus menghasilkan inovasi dan memasukkan aplikasi tambah nilai ke dalam setiap telefon ciptaannya."

"Misalnya, aplikasi QuickMark, dapat bertindak sebagai pembaca kod bar untuk terus menyimpan dapat dan capaian kepada alamat, kontak dan mesej. Dopod 595 sarat dengan pelbagai fungsi yang dimuatkan di dalamnya walaupun bentuknya nipis.

"Antaranya teknologi tolakan terus Windows Mobile 5.0 untuk membolehkan proses mengemas kini dilaksanakan dengan mudah merangkumi mel-elektronik, jadual dan pembaca dokumen seperti PDF dan Word. Ia adalah telefon 3G yang membolehkan para eksekutif sentiasa berhubung walaupun mereka sibuk," katanya.



Harga dan kemasukan ke dalam pasaran

Dopod 838Pro akan berada dalam pasaran pada minggu kedua Ogos 2006 dan boleh dibeli daripada pengedar sah pada harga runcit RM3,288

Dopod 595 akan berada dalam pasaran pada minggu kedua Ogos 2006 dan boleh dibeli daripada pengedar sah pada harga runcit RM2,088

*** Teknologi tolakan mel hanya disediakan oleh operator yang menggunakan pelayan Microsoft Exchange Server 2003 yang dikemas kini dengan SP2.*

Dopod International Corporation

Dopod International Corporation adalah syarikat komunikasi mudah alih terkemuka yang menggabungkan komunikasi mudah alih dengan sistem teknologi maklumat. Produk Dopod dihasilkan mengikut gaya hidup pengguna yang sentiasa dapat dihubungi di mana jua. Syarikat menggabungkan rekaan produk yang menakjubkan serta kecemerlangan fungsi berkualiti bagi membolehkan capaian segala maklumat terkini. Ditubuhkan pada 2004, syarikat ini muncul sebagai peneraju syarikat komunikasi di Asia.